

15/09/2003

RM5.9b mampu atasi kemiskinan: Yong

KOTA KINABALU: Parti Maju Sabah (SAPP) yakin peruntukan RM5.9 bilion untuk Sabah dalam Bajet 2004 yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin adalah menggalakkan sekali gus membantu meningkatkan ekonomi negeri ini.

Presidennya, Datuk Yong Teck Lee, berkata peruntukan yang agak besar kepada Sabah itu secara tidak langsung akan meningkatkan lagi pembangunan dalam pelbagai sektor di negeri ini seterusnya mengurangkan masalah kemiskinan.

Sambil memuji Bajet 2004 yang dibentangkan Perdana Menteri itu sebagai bajet positif dan prihatin, beliau berharap agar pihak relevan yang berkaitan di negeri ini akan memastikan semua skim dan aktiviti pembangunan menerusi peruntukan itu dapat dilaksanakan dengan berkesan.

"Kerajaan juga perlu memastikan rakyat di negeri ini akan mendapat manfaat yang sewajarnya menerusi peruntukan besar berkenaan," katanya dalam satu kenyataannya di sini, semalam.

Dalam pada itu, Yong berkata peruntukan sejumlah RM558 juta bagi pembinaan rumah kos rendah akan memberi faedah dan manfaat kepada kumpulan berpendapatan rendah.

"Begitu juga dengan pemansuhan cukai jalan motosikal berkuasa tidak melebihi 150 cc, juga akan mengurangkan perbelanjaan kumpulan berpendapatan rendah, termasuk pelajar," katanya.

Mengenai peruntukan RM20.2 bilion kepada sektor pendidikan, beliau yakin pembangunan pendidikan di Sabah juga akan mendapat manfaat yang besar menerusi peruntukan ini.

Dalam pada itu, beliau berkata peningkatan duti import dan eksais rokok serta minuman keras akan membantu meningkatkan kesedaran rakyat mengenai pentingnya menjaga kesihatan.